



2 Mac 2012
2 March 2012
P.U. (A) 66

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN) (PUNGUTAN TOL) (LEBUH RAYA CHERAS-KAJANG) 2012

FEDERAL ROADS (PRIVATE MANAGEMENT) (COLLECTION OF TOLLS) (CHERAS-KAJANG HIGHWAY) ORDER 2012



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN) 1984

PERINTAH JALAN-JALAN PERSEKUTUAN (PENGURUSAN PERSENDIRIAN)
(PUNGUTAN TOL) (LEBUH RAYA CHERAS-KAJANG) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 2 Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984 [*Akta 306*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Lebuhraya Cheras-Kajang) 2012**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 2 Mac 2012.

Pindaan perenggan 2

2. Perintah Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) (Pungutan Tol) (Lebuhraya Cheras-Kajang) 1999 [*P.U. (A) 15/1999*], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam subperenggan 2(1)—

(a) dengan menggantikan perkataan “1 Januari 2003 hingga 19 September 2027” dengan perkataan “2 Mac 2012 hingga 18 September 2045”;

(b) dengan menggantikan perkataan “Plaza Tol Batu 9” dengan perkataan “Plaza Tol Batu 9 (arah Kajang)”; dan

(c) dengan menggantikan perkataan “Plaza Tol Batu 11, Cheras” dengan perkataan “Plaza Tol Batu 11, Cheras (arah Kuala Lumpur)”.

Pindaan perenggan 3

3. Perintah ibu dipinda dalam subperenggan 3(1)—

(a) dengan menggantikan perkataan “Plaza Tol Batu 9” dengan perkataan “Plaza Tol Batu 9 (arah Kajang)”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan “Plaza Tol Batu 11, Cheras” dengan perkataan “Plaza Tol Batu 11, Cheras (arah Kuala Lumpur)”.

Pindaan Jadual Pertama

4. Perintah ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Pertama dengan Jadual yang berikut:

“JADUAL PERTAMA [Subperenggan 2(1)]

KADAR TOL DI PLAZA TOL BATU 9 (ARAH KAJANG)

(1) <i>Tahun Konsesi</i>		(2) <i>Tol Kena Dibayar Mengikut Kelas Kenderaan (RM)</i>				
		Kelas 1	Kelas 2	Kelas 3	Kelas 4	Kelas 5
1.	2 Mac 2012 – 31 Disember 2014	1.00	2.00	2.00	0.50	1.00
2.	1 Januari 2015 – 31 Disember 2019	1.30	2.60	2.60	0.70	1.30
3.	1 Januari 2020 – 31 Disember 2024	1.80	3.60	3.60	0.90	1.80
4.	1 Januari 2025 – 31 Disember 2029	2.40	4.80	4.80	1.20	2.40
5.	1 Januari 2030 – 31 Disember 2034	3.00	6.00	6.00	1.50	3.00
6.	1 Januari 2035 – 18 September 2045	3.60	7.20	7.20	1.80	3.60

KADAR TOL DI PLAZA TOL BATU 11, CHERAS (ARAH KUALA LUMPUR)

(1) <i>Tahun Konsesi</i>		(2) <i>Tol Kena Dibayar Mengikut Kelas Kenderaan (RM)</i>				
		Kelas 1	Kelas 2	Kelas 3	Kelas 4	Kelas 5
1.	2 Mac 2012 – 31 Disember 2014	0.90	1.80	1.80	0.50	0.90
2.	1 Januari 2015 – 31 Disember 2019	1.30	2.60	2.60	0.70	1.30
3.	1 Januari 2020 – 31 Disember 2024	1.80	3.60	3.60	0.90	1.80
4.	1 Januari 2025 – 31 Disember 2029	2.40	4.80	4.80	1.20	2.40
5.	1 Januari 2030 – 31 Disember 2034	3.00	6.00	6.00	1.50	3.00
6.	1 Januari 2035 – 18 September 2045	3.60	7.20	7.20	1.80	3.60

Kelas Kenderaan

Kelas 1: Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan tiga atau empat roda
(kecuali teksi dan bas)

Kelas 2: Kenderaan yang mempunyai dua gandar dan lima atau enam roda
(kecuali bas)

Kelas 3: Kenderaan yang mempunyai tiga gandar atau lebih (kecuali bas)

Kelas 4: Teksi

Kelas 5: Bas

Bagi maksud mengira bilangan gandar dan roda sesuatu kenderaan, gandar dan roda mana-mana treler yang ditarik oleh kenderaan itu hendaklah termasuk sebagai sebahagian daripada gandar dan roda kenderaan itu.”.